



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



POLISI

**KONFLIK KEPENTINGAN
(CONFLICT OF INTEREST)**

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN




NO. SIRI: SPAR(P)-MBJB-06

Isi Kandungan


① Pengenalan

- 1.1 Tujuan
- 1.2 Objektif
- 1.3 Sumber Kuasa
- 1.4 Definisi
- 1.5 Skop Penguatkuasaan
- 1.6 Bentuk Kepentingan Yang Wajib Diisytihar



② Prosedur Konflik Kepentingan

- 2.1 Pengisytiharan Kendiri
- 2.2 Penarikan Diri
- 2.3 Penilaian dan Kelulusan Pengurusan



③ Implikasi Pelanggaran Polisi

- 3.1 Tindakan Disiplin
- 3.2 Tindakan Undang-undang



④ Tadbir Urus

- 4.1 Pengesahan dan Semakan
- 4.2 Kaedah Pemantauan dan Hebahan
- 4.3 Kawalan Versi dan Kronologi Penambahbaikan
- 4.4 Carta Alir
- 4.5 Lampiran



	MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU	Edisi: 1
	POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT (WHISTLEBLOWING) MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU	No. Siri: SPAR(P)-MBJB-06

Diluluskan Oleh : Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am
Bil. 13/2026 Pada 23 Julai 2026

Tarikh Kuat Kuasa : 01 Ogos 2026

Pautan Rasmi : <https://www.mbjb.gov.my/ms/integritimbjb>

1.0 PENGENALAN

1.1 Tujuan

Polisi ini disediakan adalah bertujuan memberikan panduan langkah demi langkah kepada warga MBBJ tentang apa yang perlu dilakukan sekiranya mereka berada dalam situasi konflik, termasuk:

- Mengisi Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan.
- Menarik diri daripada mesyuarat atau proses kerja berkaitan (*recusal*).

Di bawah inisiatif pemantapan tadbir urus dan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), polisi ini merupakan komponen kritikal dalam sistem kawalan dalaman. Ia membantu MBBJ mengesan, mencegah, dan mengurus risiko rasuah serta salah guna kuasa secara sistematik sebelum ia menjadi kes salah laku yang lebih besar.

1.2 Objektif

Objektif utama Polisi ini bukan bertujuan untuk menyekat atau menghukum, tetapi ia adalah **mekanisme perlindungan** baik untuk melindungi MBBJ daripada risiko perundangan dan reputasi, mahupun untuk melindungi pegawai itu sendiri daripada tuduhan fitnah atau berat sebelah semasa menjalankan tugas rasmi **pada masa hadapan**.

1.3 Sumber Kuasa

- 1.3.1 [Akta 171 \(Akta Kerajaan Tempatan\) 1976](#)
- 1.3.2 [Kaedah-Kaedah Lembaga Tatatertib Perkhidmatan \(Majlis Bandaraya Johor Bahru\) 2023](#) [J.P.U. 6 2189/2023]
- 1.3.3 [Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan \(Kelakuan dan Tatatertib\) \(Majlis Bandaraya Johor Bahru\) 2023](#) [J. P.U. 7 2189/2023]
- 1.3.6 [Akta Arkib Negara 2003 \[Akta 629\]](#)

- 1.3.7 [Peraturan-Peraturan Arkib Negara \(Penetapan Borang-Borang Bagi Pelupusan Rekod Awam\) 2008 \[P.U.\(A\) 377\]](#)
- 1.3.8 [Arahan Pentadbiran Pengurusan Rekod daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Bil. 1 Tahun 2018](#)
- 1.3.9 [Senarai Indikator SPB-PBT | Portal Rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan](#)

1.4 Definisi

- 1.4.1 Perkara-perkara yang termasuk dalam kepentingan peribadi ialah kepentingan yang melibatkan anak, suami/isteri, ibu/bapa, ibu/bapa mertua dan sebagainya yang diistilahkan sebagai SAUDARA seperti tafsiran di bawah SEKSYEN 3 AKTA Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 seperti berikut:
 - i. Isteri atau suami orang itu;
 - ii. Adik atau abang atau kakak orang itu;
 - iii. Adik atau abang atau kakak isteri/suami orang itu;
 - iv. Orang yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah dengan orangitu;
 - v. Orang yang mempunyai pertalian langsung ke atas atau ke bawah dengan Isteriatau suami orang itu;
 - vii. Bapa saudara, emak saudara atau sepupu orang itu; atau
 - viii. Menantu orang itu;
- 1.4.2 Tugas kerja yang melibatkan ahli keluarga atau kakitangan yang mempunyaihubungan peribadi yang rapat boleh menimbulkan konflik kepentingan sebenar serta boleh mewujudkan suasana kerja yang negatif atau tidak profesional seperti yang terkandung di bawah **SEKSYEN 23 AKTA SPRM 2009** seperti berikut:
 - (i) **Seksyen 23 (1):** Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan kedudukannya untuk apa-apa suapan sama ada bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan kesalahan.
 - (ii) **Seksyen 23 (2):** Bagi maksud **subsekyen (1)**, seseorang pegawai badan awam hendaklah dianggap, sehingga akasnya dibuktikan, telah menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan, sama ada bagi dirinya, saudaranya atau sekutunya, apabila dia membuat apa-apa keputusan, atau mengambil apa-apa tindakan, berhubungan dengan apa-apa perkara yang mengenainya pegawai tu, atau mana-mana

saudara atau sekutunya, mempunyai kepentingan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

- 1.4.3 Adalah penting bagi MBBJ mengambil kira konflik kepentingan kerana tanggapan bahawa akan berlakunya konflik boleh menjejaskan reputasi MBBJ sebagai pihak berkuasa tempatan yang memberi perkhidmatan kepada rakyat dan stakeholders.
- 1.4.4 Bagi mengelakkan perkara ini daripada berlaku, MBBJ perlu mempunyai polisi yang jelas berkaitan konflik kepentingan supaya tugas harian kakitangan dijalankan dengan telus. Selain daripada itu, kakitangan MBBJ hendaklah mengelakkan diri daripada terlibat dalam sebarang situasi konflik seperti ini.

1.5 Skop Pengutkuasaan

Polisi ini terpakai kepada:

- 1.5.1 **Semua Warga Kerja MBBJ:** Tanpa mengira gred, jawatan, atau status perkhidmatan (tetap/kontrak/sambilan).
- 1.5.2 **Ahli-Ahli Majlis:** Yang dilantik bagi menganggotai Jawatankuasa MBBJ.
- 1.5.3 **Pihak Ketiga:** Kontraktor, vendor, perunding, dan pembekal yang berurusan dengan MBBJ (tertakluk kepada syarat-syarat integriti perolehan).

1.6 Bentuk Kepentingan Yang Wajib Diisytihar

Warga MBBJ wajib mengisytiharkan kepentingan jika penglibatan mereka atau **Ahli Keluarga Terdekat** (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik) melibatkan:

- 1.6.1 **Kepentingan Kewangan:** Pegangan saham, pemilikan perniagaan, atau perkongsian dalam syarikat yang menyertai tender/sebut harga PBT atau memohon lesen/permit MBBJ.
- 1.6.2 **Kepentingan Bukan Kewangan:** Keanggotaan dalam persatuan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), atau kelab yang memohon dana, tapak, atau kelulusan khas daripada MBBJ.
- 1.6.3 **Pekerjaan Sampingan:** Menjalankan perniagaan sendiri atau bekerja secara sambilan di luar waktu pejabat yang mempunyai kaitan langsung dengan skop tugas di MBBJ (perlu kelulusan Ketua Jabatan/Datuk Bandar/Setiausaha).

2.0 PROSEDUR KONFLIK KEPENTINGAN

2.1 Pengisytiharan Kendiri (*Self-Declaration*)

- 2.2.1 Setiap warga MBBJ yang menyedari dirinya berada dalam situasi konflik kepentingan (contoh: syarikat milik adik menyertai sebut harga di jabatan sendiri) wajib mengisi Borang Pengisytiharan Konflik Kepentingan dengan serta-merta sebelum sebarang tindakan lanjut diambil.
- 2.2.2 Pengisytiharan tahunan juga perlu dibuat oleh pegawai di jawatan sensitif (Perolehan, Pelesenan, Penguatkuasaan, Perancangan Bandar).

2.3 Penarikan Diri

- 2.3.1 Pegawai yang mempunyai kepentingan mesti menarik diri sepenuhnya daripada terlibat dalam urusan tersebut.
- 2.3.2 Di dalam Mesyuarat: Pegawai berkenaan hendaklah menyatakan kepentingannya, meminta izin untuk keluar dari bilik mesyuarat semasa perbincangan/undian kes tersebut dijalankan, dan perkara ini wajib dicatatkan dalam Minit Mesyuarat.

2.4 Penilaian Dan Kelulusan Pengurusan

- 2.4.1 **Ketua Jabatan atau Unit Integriti dan Pemodenan Pentadbiran akan menyemak borang pengisytiharan tersebut.**
- 2.4.2 Tindakan kawalan akan diputuskan, sama ada:
 - (i) Membenarkan pegawai meneruskan tugas dengan pemantauan ketat (jika risiko sangat rendah).
 - (ii) Menyerahkan tugas tersebut kepada pegawai lain yang bebas daripada kepentingan (*re-assignment of duties*).

3.0 IMPLIKASI PELANGGARAN POLISI

Kegagalan mematuhi polisi ini, termasuk sengaja menyembunyikan konflik kepentingan atau membuat pengisytiharan palsu, akan dianggap sebagai salah laku integriti yang serius dan boleh dikenakan tindakan seperti berikut:

- 3.1 **Tindakan Disiplin:** Di bawah [Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan \(Kelakuan dan Tata tertib\) \(Majlis Bandaraya Johor Bahru\) 2023](#) [J.P.U. 7 2189/2023]
- 3.2 **Tindakan Undang-Undang:** Sekiranya konflik tersebut melibatkan unsur rasuah atau salah guna kuasa, kes akan dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di bawah Akta SPRM 2009.

4.0 TADBIR URUS

4.1 Pengesahan dan Semakan

Polisi ini berkuat kuasa mulai **01 OGOS 2026** akan disemak semula sekurang-kurangnya **setahun (1) tahun sekali** atau mengikut keperluan perubahan perundangan semasa.

4.2 Kaedah Pemantauan Dan Hebahan

Pemantauan dan Penambahbaikan (CQI)

- (i) Pelaporan statistik kepada Lampiran [BK/SPAR(P)-MBJB-06/01] dan [BK/SPAR(P)-MBJB-06/02] adakan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola MBJB
- (ii) Audit Dalaman MS ISO 37001 [SPAR]
- (iii) Audit SIRIM MS ISO 37001[SPAR]
- (iv) Jika ada Penambahbaikan akan dibawa ke Jawatankuasa Kewangan dan Perkara Am, MBJB bagi kelulusan

Penyiaran/ Hebahan Polisi

- (i) Polisi dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola, MBJB
- (ii) Polisi diangkat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan & Perkara Am, MBJB
- (iii) Polisi disahkan dalam Majlis Mesyuarat Penuh MBJB
- (iv) Polisi dimaklumkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola, MBJB
- (v) Edaran Surat Pemakluman Tarikh Kuat Kuasa Polisi
- (vi) Muat naik dalam Laman Sesawang Rasmi MBJB
- (vii) Melaksanakan Naziran Berjadual selepas 6 Bulan Polisi diedarkan.

4.3 Kawalan Versi Dan Kronologi Penambahbaikan

No Versi	Tarikh Diluluskan	Tarikh Kuat Kuasa	Pindaan
0	06.09.2022	01 Oktober 2022	Pembangunan Polisi Antirasuah, Integriti dan Governans.
1	23.07.2026	01 Ogos 2026	Hasil Bengkel Pindaan Dokumen SPAR pada 06-08 Mei 2026

1.4 Carta Alir

CARTA ALIR PROSES PENGURUSAN KONFLIK KEPENTINGAN

MULA

Kenalpasti/ wujud situasi Konflik Kepentingan
(Perolehan/ Pelesenan/ Pengambilan Pekerja/ Kelulusan Pelan)

Isi dan Kemukakan
Borang Perisytiharan Konflik Kepentingan

A. Dalam Mesyuarat


1. Nyatakan secara lisan sebelum agenda dibincangkan
2. Pegawai KELUAR dari bilik mesyuarat
3. Urus Setia catat penarikan diri dalam Minit Mesyuarat

B. Dalam Tugas Harian

1. Ketua Jabatan membuat penilaian Risiko.
2. SERAH TUGASAN kepada pegawai yang bebas

Pemantauan dan Perakuan

Keputusan/ Kelulusan Dibuat Secara Telus

TAMAT

1.5 Lampiran

Lampiran	Tajuk Dokumen
[BK/SPAR(P)-MBJB-01/01]	BORANG AKTA RAHSIA RASMI
[BK/SPAR(P)-MBJB-01/02]	BORANG PERISYTIHARAN BEBAS RASUAH DAN KONFLIK KEPENTINGAN (Bagi Urusan Perolehan, Penilaian, dan Pelantikan Pembekal/Kontraktor)

**BORANG AKTA RAHSIA RASMI****PERAKUAN UNTUK DITANDATANGANI OLEH PENJAWAT AWAM
BERKENAAN DENGAN AKTA RAHSIA RASMI 1972**

Adalah saya dengan ini mengaku bahawa perhatian saya telah ditarik kepada peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan bahawa saya faham dengan sepenuhnya akan segala yang dimaksudkan dalam Akta itu. Khususnya saya faham bahawa menyampaikan, menggunakan atau menyimpan dengan salah, sesuatu benda rahsia, tidak menjaga dengan cara yang berpatutan sesuatu rahsia atau tingkah laku yang membahayakan keselamatan atau rahsia sesuatu benda rahsia Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta tersebut, yang boleh dihukum maksimum penjara seumur hidup.

Saya faham bahawa segala maklumat rasmi yang saya perolehi dalam perkhidmatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau perkhidmatan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia, Adalah milik Kerajaan dan tidak akan membocorkan, menyiarkan atau menyampaikan, samada secara lisan atau dengan bertulis kepada sesiapa jua adalah apa-apa bentuk, kecuali pada masa menjalankan kewajipan-kewajipan rasmi saya, sama ada dalam masa atau selepas perkhidmatan saya dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau dengan mana-mana Kerajaan dalam Malaysia degan tidak terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis pihak berkuasa yang berkenaan. Saya berjanji dan mengaku akan menandatangani suatu akuan selanjutnya bagi maksud ini apabila meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan.

Tandatangan:

Nama Penuh (Huruf Besar):

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

Jabatan:

Tarikh:

Disaksikan Oleh:

(Tandatangan)

Nama Penuh Saksi (Huruf Besar):

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

Jabatan:

Tarikh:

Cop Jabatan:

**BORANG****PERISYTIHARAN BEBAS RASUAH DAN KONFLIK KEPENTINGAN**

(Bagi Urusan Perolehan, Penilaian, dan Pelantikan Pembekal/Kontraktor)

NAMA PROJEK / PEROLEHAN:

NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA/TENDER:

JABATAN/UNIT:

Bahagian A: Maklumat Pegawai

- Nama Penuh: _____
- No. Kad Pengenalan: _____
- Gred / Jawatan: _____
- Peranan dalam Perolehan:
 - ☐ Penyedia Spesifikasi / Skop Kerja (TOR)
 - ☐ Jawatankuasa Penilaian Teknikal
 - ☐ Jawatankuasa Penilaian Harga
 - ☐ Urus Setia / Jawatankuasa Sebut Harga atau Tender

Bahagian B: Akuan Pematuhi Integriti & Anti-Rasuah

Saya dengan ini mengisytiharkan secara ikrar dan benar bahawa:

1. **Tiada Suapan/Rasuah:** Saya tidak akan meminta, menerima, menawarkan, atau memberi sebarang bentuk suapan, hadiah, keraian, atau faedah (sama ada dalam bentuk wang tunai, barangan, jawatan, atau perkhidmatan) daripada atau kepada mana-mana pembekal/kontraktor yang menyertai perolehan ini bagi mempengaruhi keputusan perolehan.
2. **Kerahsiaan Maklumat:** Saya akan menjaga kerahsiaan sepenuhnya ke atas semua dokumen, data, markah penilaian, dan minit mesyuarat yang berkaitan dengan perolehan ini selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan peraturan dalaman MBJB.
3. **Tindakan Undang-Undang:** Sekiranya saya melanggar mana-mana terma dalam pengisytiharan ini, saya sedia berdepan dengan tindakan tatatertib di bawah bawah [Kaedah-Kaedah Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan \(Kelakuan dan Tatatertib\) \(Majlis Bandaraya Johor Bahru\) 2023](#) serta tindakan undang-undang di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Bahagian C: Pengisytiharan Konflik Kepentingan

(Sila tanda [X] pada salah satu kotak di bawah)

- [] **SAYA TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG KONFLIK KEPENTINGAN**
Saya mengesahkan bahawa saya, pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, atau mana-mana ahli keluarga terdekat serta rakan kongsi perniagaan saya **TIDAK mempunyai** sebarang kepentingan peribadi, kepentingan kewangan, pemilikan saham, atau jawatan dalam mana-mana syarikat pembekal/kontraktor yang menyertai perolehan ini.
- [] **SAYA MEMPUNYAI / BERPOTENSI MEMPUNYAI KONFLIK KEPENTINGAN**
Saya mengisytiharkan bahawa saya mempunyai hubungan/kepentingan dengan syarikat berikut yang menyertai perolehan ini:
 - Nama Syarikat: _____
 - Bentuk Hubungan / Kepentingan: _____

(Nota: Sekiranya anda menanda kotak ini, anda wajib menarik diri daripada terlibat dalam proses penilaian/pemilihan ini serta-merta).

Bahagian D: Tandatangan Pegawai

Saya membuat pengisytiharan ini dengan penuh tanggungjawab, rela hati, dan tanpa sebaran paksaan.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Bahagian E: Pengesahan Ketua Jabatan / Urus Setia ABMS

(Diisi oleh Ketua Jabatan atau Pegawai Integriti / Urus Setia Perolehan)

Saya telah menyemak pengisytiharan pegawai di atas dan mengambil maklum status yang dinyatakan.

- [] **DIBENARKAN** untuk meneruskan tugas dalam urusan perolehan ini kerana tiada konflik kepentingan dikesan.
- [] **TIDAK DIBENARKAN / DIGANTI** dengan pegawai lain kerana wujudnya konflik kepentingan demi menjaga integriti proses perolehan PBT.

Tandatangan: _____

Nama Penilai: _____

Jawatan: _____

Tarikh: _____

NOTA: Pelaksanaan SPAR (ISO 37001)

Faikan borang yang telah lengkap ditandatangani ini ke dalam **Fail Induk Perolehan Projek** berkenaan. Dokumen ini merupakan bukti audit (*auditable evidence*) yang sangat kritikal bagi menunjukkan MBBJ mengamalkan kawalan sewajarnya (*due diligence*) dalam menangani risiko rasuah dan konflik kepentingan.



MBJB

M E S R A B E R K H I D M A T J U J U R B E R B A K T I



info@mbjb.gov.my

Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru

No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru